

**UCAPAN**  
**YB DATUK ROHANI ABDUL KARIM**  
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**  
**SEMPENA**  
**PERASMIAN MAJLIS JALINAN KASIH LPPKN 2013**  
**DI BERJAYA WATERFRONT HOTEL, JOHOR BAHRU**  
**14 SEPTEMBER 2013**

---

**SALUTASI**

YB DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI PANGLIMA MOHD DUN  
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT

YB PUAN HAJAH ASIAH BINTI MD. ARIFF  
EXCO PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
NEGERI JOHOR

YBHG. DATO' DR. NOORUL AINUR MOHD. NUR  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT

YBRS. EN. NASARUDDIN ABDUL MUTTALIB  
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PENGURUSAN)  
LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA  
(LPPKN)

KETUA-KETUA JABATAN

WAKIL-WAKIL MEDIA

TUAN-TUAN, PUAN-PUAN DAN SETERUSNYA ANAK-ANAK JALINAN KASIH YANG SAYA KASIHI SEKALIAN.

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAH HIWABARAKATUH, SALAM SEJAHTERA, DAN SALAM 1MALAYSIA.

1. ALHAMDULILLAH, SAYA MEMANJATKAN KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH S.W.T. KERANA DENGAN LIMPAH DAN IZINNYA DAPAT KITA BERTEMU DALAM MAJLIS PADA PETANG INI UNTUK MERAIKAN ANAK-ANAK JALINAN KASIH YANG LAHIR MELALUI PERKHIDMATAN RAWATAN KESUBURAN LPPKN DI NEGERI JOHOR.
2. TERLEBIH DAHULU, SAYA INGIN MERAKAMKAN UCAPAN TAHNIAH KEPADA LPPKN KERANA TELAH MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN RAWATAN KESUBURAN ATAU SUBFERTILITI YANG MEMBANTU PASANGAN YANG MENGHADAPI MASALAH UNTUK MENDAPATKAN CAHAYA MATA.

HADIRIN YANG DIKASIHI SEKALIAN,

### **ANAK SEBAGAI ANUGERAH**

3. ANAK MERUPAKAN ANUGERAH DAN AMANAH TUHAN KEPADA PASANGAN SUAMI ISTERI YANG MANA AKAN MENYAMBUNG GENERASI KITA KELAK. SEPULUH JARI KECIL INI ADALAH AMANAH YANG KITA TERIMA BERSAMA DENGAN TANGGUNGJAWAB UNTUK MEMBESARKAN MEREKA DALAM SUASANA YANG TERBAIK. KITA SEBAGAI IBUBAPA PERLU

MEMENUHI SEGALA KEPERLUAN ASAS YANG MERANGKUMI ASPEK PENDIDIKAN, EKONOMI, KESIHATAN, PERSEKITARAN, SOSIO-PSIKOLOGIKAL DAN SEBAGAINYA. AMALAN DAN PENERAPAN NILAI-NILAI MURNI KEPADA ANAK-ANAK PERLU LEBIH DIBERI PERHATIAN OLEH IBUBAPA BAGI MEMPERKUKUH DAN MENINGKATKAN KEBAHAGIAN KELUARGA.

HADIRIN YANG DIKASIHI SEKALIAN,

#### CABARAN SUBFERTILITI

4. DIANGGARKAN 1 DALAM 10 PASANGAN DI DUNIA INI MEMPUNYAI MASALAH INFERTILITI, DI MANA KEBANYAKANNYA ADALAH DARI NEGARA-NEGARA YANG SEDANG MEMBANGUN. KADAR INFERTILITI DI MALAYSIA PULA DIANGGARKAN ADALAH ANTARA 10% HINGGA 15%. INI MERUPAKAN SATU ISU YANG PENTING UNTUK DITANGANI OLEH SEMUA PIHAK.
5. KADAR FERTILITI DI MALAYSIA TELAH MENURUN DENGAN PESAT DAN TELAH MENCAPAI PARAS PENGGANTIAN (*REPLACEMENT LEVEL*) IAITU 2.1 ANAK BAGI SEORANG WANITA PADA TAHUN 2011. DENGAN MENINGKATNYA ISU INFERTILITI DAN MENURUNNYA KADAR FERTILITI SECARA SEMULAJADI, KADAR PERTUMBUHAN PENDUDUK AKAN MENURUN DENGAN CEPAT. JIKA PERKARA INI BERLANJUTAN, IANYA BOLEH MEMBERI KESAN NEGATIF KEPADA PASARAN

TENAGA KERJA DAN SETERUSNYA BOLEH MENJEJASKAN PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA.

6. PERKHIDMATAN SUBFERTILITI DI LPPKN TELAH BERMULA SEJAK TAHUN 1979. PERKHIDMATAN INI DITAWARKAN DI EMPAT BUAH KLINIK LPPKN IAITU DI IBU PEJABAT LPPKN KUALA LUMPUR, PERAK, SELANGOR DAN DI JOHOR. SEHINGGA KINI SERAMAI 3,356 ORANG BAYI TELAH DILAHIRKAN MELALUI PROGRAM SUBFERTILITI INI. BAGI NEGERI JOHOR, PERKHIDMATAN INI MULA DITAWARKAN PADA TAHUN 2004. SEHINGGA KINI SERAMAI 110 ORANG BAYI TELAH DILAHIRKAN DI NEGERI INI.

HADIRIN YANG DIKASIHI SEKALIAN,

### CABARAN WANITA

7. TERDAPAT RAMAI WANITA YANG MELAMBATKAN PERKAHWINAN ATAUPUN MENANGGUHKAN KEHAMILAN PERTAMA MEREKA SEHINGGA UMUR TIGA PULUHAN KERANA PENGLIBATAN MEREKA DALAM TENAGA KERJA DI MALAYSIA. BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN MALAYSIA 2010 (BANCI 2010) MENDAPATI UMUR MIN PERKAHWINAN PERTAMA BAGI LELAKI ADALAH 28.0 DAN PEREMPUAN 25.7 TAHUN. KELEWATAN BERKAHWIN DAN PENANGGUHAN KEHAMILAN BUKAN SAHAJA MEMPUNYAI IMPLIKASI KE ATAS SAIZ KELUARGA, TETAPI JUGA KE ATAS KESIHATAN REPRODUKTIF SUAMI DAN ISTERI.

8. TAHAP KESUBURAN WANITA AKAN BERKURANGAN BILA BERUMUR 30 TAHUN KE ATAS DAN INI SECARA TIDAK LANGSUNG AKAN MENGURANGKAN PELUANG UNTUK MENGANDUNG. SELAIN ITU, SEKIRANYA SESEORANG WANITA ITU MENDAPAT ANAK PERTAMA PADA USIA MELEBIHI 35 TAHUN, KOMPLIKASI KESIHATAN ADALAH LEBIH TINGGI BAGI IBU DAN ANAK SEMASA MENGANDUNG SERTA SEMASA DAN SELEPAS BERSALIN.

9. PERLU JUGA DIINGATKAN DI SINI BAHAWA KESIHATAN DIRI MESTI DIDAHULUKAN DAN DIAMBIL PERHATIAN. SEHUBUNGAN ITU, BAGI PASANGAN YANG BERMASALAH KESUBURAN ADALAH DIGALAKKAN UNTUK MENDAPATKAN RAWATAN KESUBURAN SEAWAL SETAHUN SELEPAS BERKAHWIN.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

### **CABARAN INSTITUSI KELUARGA**

10. PERANAN INSTITUSI KELUARGA AMAT PENTING. ADA PENDAPAT MENGATAKAN BAHAWA CARA TERBAIK UNTUK MEMAJUKAN MASYARAKAT ADALAH DENGAN MEMAJUKAN KELUARGA, DAN SEBALIKNYA CARA PALING MUDAH UNTUK MEMUSNAHKAN MASYARAKAT ADALAH DENGAN MELEMAHKAN INSTITUSI KELUARGA. KENYATAAN INI MEMANG ADA KEBENARANNYA DISEBABKAN KEUTUHAN INSTITUSI KELUARGA MERUPAKAN TUNJANG BAGI

KEKUATAN SESEBUAH NEGARA. NEGARA YANG DIDIAMI OLEH MASYARAKAT YANG HIDUP BAHAGIA DAN HARMONI AKAN BERUPAYA MENJADI NEGARA MAJU DENGAN PENDUDUK YANG BAHAGIA.

HADIRIN YANG DIKASIHI SEKALIAN,

11. PEPATAH ADA MENGATAKAN “MELENTUR BULUH BIARLAH DARI REBUNGNYA”. DEMIKIAN JUGA MEMBENTUK PERIBADI DAN TINGKAH LAKU ANAK-ANAK YANG PERLU DILAKUKAN SEJAK DI PERINGKAT AWAL LAGI. INI AMAT PENTING BAGI MEMASTIKAN KEHIDUPAN MEREKA SETERUSNYA AKAN MENJADI LEBIH BERMAKNA KERANA SETIAP PERINGKAT KEHIDUPAN ANAK-ANAK ADALAH IBARAT LEMBARAN BENANG YANG AKAN MENJADI LEBIH KUKUH SETELAH DITENUN MENJADI KAIN.
12. SEHUBUNGAN DENGAN ITU, TANGGUNGJAWAB MENDIDIK, MENGASUH DAN MEMBESARKAN ANAK-ANAK TIDAK SEWAJARNYA DISERAHKAN KEPADA KAUM IBU SEMATA-MATA. KAUM BAPA JUGA MEMPUNYAI TANGGUNGJAWAB DAN PERANAN YANG AMAT PENTING BUKAN SAHAJA SEBAGAI KETUA KELUARGA, PENCARI NAFKAH, PENJAGA, PENDIDIK DAN PELINDUNG KELUARGA, BAHKAN JUGA MENJADI *ROLE MODEL* KEPADA SELURUH AHLI KELUARGA.

HADIRIN YANG DIKASIHI SEKALIAN,

## ORGANISASI MESRA KELUARGA

13. UMUM MENGETAHUI BAHAWA KOS RAWATAN SUBFERTILITI ADALAH AGAK TINGGI. DALAM HAL INI KERAJAAN MALAYSIA AMAT PEKA DAN TELAH PUN MEMULAKAN LANGKAH DALAM MEMBANTU PENJAWAT AWAM DALAM MEMBIAYAI SEBAHAGIAN DARI PERKHIDMATAN RAWATAN SUBFERTILITI MELALUI PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 4 TAHUN 2001. OLEH ITU, SAYA INGIN MENYERU AGAR PIHAK SWASTA DAPAT SAMA-SAMA MEMBERI KOMITMEN SEPERTI KERAJAAN BAGI MEMBANTU PEKERJA-PEKERJA MEREKA.
  
14. KITA MUNGKIN BOLEH MENCONTOHI NEGARA-NEGARA LAIN SEPERTI UNITED KINGDOM, AUSTRALIA DAN INDIA YANG MEMBERIKAN SEKURANG-KURANGNYA **TIGA KALI RAWATAN PERCUMA** KEPADA PASANGAN YANG LAYAK. INI JUGA SELARAS DENGAN DASAR KELUARGA NEGARA (DKN) YANG TELAH DILULUSKAN PADA 17 DISEMBER 2010 YANG MEMPERJUANGKAN KONSEP "KESEJAHTERAAN KELUARGA" YANG HOLISTIK. ANTARA STRATEGI DKN ADALAH MENYEDIA DAN MEMASTIKAN PROGRAM, PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN MESRA KELUARGA DISEDIAKAN, MUDAH DIAKSES DAN DINIKMATI OLEH SEMUA KELUARGA.

HADIRIN YANG DIHORMATI,

## PENUTUP

15. AKHIR KATA SAYA MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN ATAS PENCAPAIAN IMPIAN ANDA SEMUA MENIMANG CAHAYA MATA. BELAILAH DAN DIDIKLAH ANAK-ANAK DENGAN PENUH KASIH SAYANG SUPAYA MEREKA KELAK MENJADI INSAN YANG BERGUNA KEPADA MASYARAKAT DAN NEGARA. SEPULUH JARI KECIL INI KELAK YANG AKAN MENJULANG KEDAULATAN NEGARA KITA MALAYSIA.

DENGAN LAFAZ BISMILLAHHIRRAHMANIRRAHIM SAYA MERASMIKAN MAJLIS JALINAN KASIH LPPKN 2013.

SEKIAN, WASSALAM MUALAIKUM WARAHMATULLAH HIWABARAKATUH DAN TERIMA KASIH.